

29 JULY 2000
Mahathir-Harrods
PM RASMI KEDAI HARRODS DI KLIA

SEPANG, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan kedai Harrods pertama di negara ini di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini hari ini.

Kedai bebas cukai itu terletak di paras antarabangsa selepas saja tempat pemeriksaan masuk penumpang di kaunter imigresen.

Kedai itu dikendalikan oleh Amtek International, sebuah anak syarikat Amtek Holdings Berhad, pembuat berlesen bagi pelbagai pakaian berjenama seperti jeans James Dean dan Lee Cooper.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana kedai Harrods akhirnya dibuka di Malaysia terutama di KLIA, kerana ini boleh membantu menonjolkan nama dan imej lapangan terbang itu.

"KLIA adalah sebuah lapangan terbang yang baru dan ia perlu memasyhurkan namanya sendiri dan satu daripada cara melakukannya ialah dengan mengaitkannya dengan nama-nama terkemuka dunia yang lain seperti Harrods," katanya.

Dengan Harrods menjalankan perniagaan di KLIA, Dr Mahathir berharap ia akan menjadi permulaan bagi produk terkenal yang lain untuk dijual di lapangan terbang itu.

Katanya Malaysia mahu menjadi pusat beli-belah bagi rantau ini kerana kosnya lebih murah berbanding negara-negara jiran.

Perdana Menteri berharap syarikat-syarikat Malaysia akan melakukan yang terbaik untuk mencari barangan berjenama baru yang sama menarik seperti jenama sedia ada dan menjualnya di negara ini dan akhirnya menjadi pengedar jenama seumpama itu di rantau ini.

Harrods di KLIA merupakan kedai pertama di Asia yang menggunakan konsep tiga dalam satu yang menjual cenderahati yang mempamerkan cap dagang Harrods, pastri dan sebuah cafe di kawasan seluas 1,200 meter persegi.

Pengarah Eksekutif Amtek Holdings Syed Azmin Syed Noh berkata syarikat itu melabur RM1.2 juta hingga RM1.3 juta bagi Harrods World Signature Shop di KLIA.

Beliau berkata barangan yang terdapat di Harrods KLIA bernilai kira-kira 100,000 pound sterling (kira-kira RM570,000).

Menurut beliau walaupun produk itu diimport, Amtek mempunyai kawalan terhadap harganya bagi membolehkan barangan itu mampu di beli rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

ARA RHM